

FUCON[®] FILM COATED TABLET 10MG

Hyoscine N-Butylbromide (10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan FUCON[®] FILM COATED TABLET
2. Bagaimana FUCON[®] FILM COATED TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan FUCON[®] FILM COATED TABLET
4. Cara menggunakan FUCON[®] FILM COATED TABLET
5. Semasa menggunakan FUCON[®] FILM COATED TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan FUCON[®] FILM COATED TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan FUCON[®] FILM COATED TABLET

FUCON[®] FILM COATED TABLET digunakan untuk melegakan kekejangan di dalam otot-otot anda:

- Perut
- Usus
- Pundi kencing dan tiub yang mengeluarkan air kencing anda (sistem kencing)
- Sengugut

Bagaimana FUCON[®] FILM COATED TABLET berfungsi

FUCON[®] FILM COATED TABLET mengandungi "Hyoscine-N-butylbromide". Ini adalah sekumpulan ubat yang dipanggil antispasmodik. Hyoscine berfungsi dengan melegakan otot yang terdapat di dinding perut, dan usus. Otot jenis ini dipanggil otot licin.

Biasanya ia mengecut dan mengendur tanpa disedari. Bagaimanapun, jika otot menjadi kekejangan, ini boleh menyebabkan kesakitan.

Hyoscine menghentikan kejang pada otot licin dan melegakannya. Ini

mengurangkan kekejangan yang menyakitkan.

Sebelum menggunakan FUCON[®] FILM COATED TABLET

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan FUCON[®] FILM COATED TABLET jika anda alah kepada Hyoscine-N-butylbromide atau mana-mana komponen dalam produk ini.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput pada pek atau pembungkusan telah terkoyak

- Sebelum mula menggunakan FUCON[®] FILM COATED TABLET

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda alah kepada Hyoscine-N-butylbromide atau mana-mana komponen dalam produk ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda ingin menggunakan FUCON[®] FILM COATED TABLET bersama dengan ubat-ubatan lain.

Selain itu, anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat yang anda sedang ambil, termasuklah ubat tanpa preskripsi.

Cara menggunakan FUCON[®] FILM COATED TABLET

- Berapa banyak harus digunakan

1 – 2 tablet tiga ke empat biji sehari.

- Bila perlu digunakan

FUCON[®] FILM COATED TABLET perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan
FUCON[®] FILM COATED TABLET tidak boleh diambil

secara berterusan untuk tempoh masa yang panjang.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil dos anda, abaikan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya pada masa yang biasa. Jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jumpa dengan doktor anda atau dapatkan rawatan perubatan, jika anda atau orang lain disangka menggunakan ubat ini secara berlebihan.

Semasa menggunakan FUCON[®] FILM COATED TABLET

- Perkara yang perlu dilakukan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda apabila anda sedang mengambil FUCON[®] FILM COATED TABLET.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

FUCON[®] FILM COATED TABLET tidak boleh diambil secara berterusan setiap hari atau untuk tempoh yang panjang tanpa menyiasat punca sakit perut.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Sesetengah orang mungkin mengantuk semasa mengambil ubat ini. Sekiranya ini berlaku kepada anda, jangan memandu atau menggunakan alat-alatan atau mesin.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, FUCON[®] FILM COATED TABLET mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diingini tetapi bukan semua orang

FUCON[®] FILM COATED TABLET 10MG

Hyoscine N-Butylbromide (10mg)

akan mengalaminya. Kesan sampingan berikut mungkin berlaku dengan ubat ini:

- Masalah mata
- Kulit yang kemerahan dan mengering
- Mulut yang kekeringan dengan kesukaran menelan, bercakap dan sering berasa haus
- Kebarangkalian penurunan atau peningkatan kadar degupan jantung
- Kesukaran membuang air kecing
- Berasa sakit di bahagian dada
- Perubahan dalam mood
- Tidak sedarkan diri
- Gangguan dalam pengaliran darah dan pernafasan
- Muntah
- Pening

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumer Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan FUCON[®] FILM COATED TABLET

- Penyimpanan

Simpan di dalam bekas kedap udara. Simpan di bawah suhu 30°C, lindungi daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap.

- Pelupusan

Lupuskan FUCON[®] FILM COATED TABLET apabila anda diarahkan untuk berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat bersalut filem warna putih dengan skor di satu sisi.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif
Hyoscine-N-butylbromide

Bahan tidak aktif:
Dimethylpolysiloxane
Talc
Magnesium Stearate
Polyethylene Glycol
Purified Water
Carboxymethylcellulose Calcium
Aluminium Silicate
Microcrystalline Cellulose
Hydroxypropyl Methylcellulose
Lactose

- Nombor MAL

MAL19940034AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7,
Section 13, Kawasan Perindustrian
Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang,
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP:

30/07/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)210908/747